



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

## KETERANGAN MENGENAI IRSYAD HUKUM BIL. 8

### PENENTUAN KADAR DUA MARHALAH, QARYAH DAN BALAD DARI PERSPEKTIF FIQH SEMASA

#### Penetapan Kadar Dua Marhalah

Berdasarkan mazhab Syafie, **qasar** solat hanya boleh dilakukan bagi orang yang **bermusafir** perjalanan yang jauh dan jaraknya **melebihi dua marhalah** pada anggaran jarak **81-89km** sehala.

Jarak dua marhalah di dalam ukuran masa kini disebutkan oleh para ulama di dalam kitab sebagai anggaran (Taqribi).

Penentuan kadar dua marhalah **Taqribi** (anggaran) yang terkini yang telah pun diisytiharkan di negeri Perak adalah pada jarak **81km**. Berkenaan dengan ukuran ini, ia lebih kepada Taqribi (anggaran), bukannya **Tahdidi** (ketepatan). Maka seseorang **diharuskan solat jamak dan qasar jika sudah mencapai dua marhalah** (seperti mana yang telah dinyatakan di atas).

### Nilai/Kadar Jarak 11km

**Had sempadan qaryah dan balad** yang dihitung sebagai **titik permulaan** bagi mengharuskan seseorang yang bermusafir mendirikan solat jamak dan qasar adalah **11km**. Ini bermakna **jarak 11km** menjadi **kadar penentu** seseorang yang bermusafir **telah pun keluar dari kawasan mukim** (tempat tinggal) nya. Seseorang yang hendak melaksanakan solat jamak dan qasar **haruslah melepasi jarak yang ditetapkan** di atas terlebih dahulu.

Penentuan mengikut kadar 11km daripada titik mula musafir pula adalah berasaskan kepada justifikasi berikut:

Nabi s.a.w memulakan qasar solat baginda di Dzu al-Hulayfah ketika permusafiran baginda dari Madinah ke Mekah. Jarak di antara Madinah dan Dzu al-Hulayfah **bukanlah jarak 2 marhalah** akan **tetapi** di dalam perbincangan fiqh ia merupakan **jarak permulaan dibenarkan untuk qasar** solat bagi seseorang musafir. Hadith tersebut seperti yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:-

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ : صَلَّيْتُ الظُّهْرَ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْمَدِينَةِ أَرْبَعًا وَبَدِي  
الْحَلِيفَةَ رَكَعَتَيْنِ.

Maksudnya: *"Daripada Anas bin Malik R.A beliau telah berkata, Aku telah solat zuhur bersama Nabi s.a.w di Madinah sebanyak empat rakaat, sedangkan ketika di Dzu al-Hulayfah sebanyak dua rakaat."*

**Contohnya :**

(Situasi Pertama)

- Azizi ingin bermusafir ke suatu tempat yang jaraknya **melebihi 81km** sehala. Apabila perjalanan Azizi telah **melempi jarak 11km** dari titik mula (tempat mula bermusafir) maka beliau **dibolehkan** solat secara **jamak taqdim dan qasar** kerana telah keluar melebihi had sempadan kawasan qaryahnya.

(Situasi Kedua)

- Dalam perjalanan pulang dari permusafiran, Azizi hendak melaksanakan solat secara jamak ta'khir dan qasar. Maka, Azizi **seharusnya melaksanakan solat itu sebelum memasuki had qaryah dan balad**. Ini bermakna **baki jarak perjalanan Azizi mestilah lebih dari 11km dan tidak boleh kurang** kerana dibimbangi solat yang asalnya hendak dilaksanakan ta'khir, menjadi qada' disebabkan telah memasuki sempadan qaryah dan balad.

Mudah-mudahan pencerahan ini sedikit sebanyak dapat membantu umat Islam dalam melaksanakan rukhsah solat ketika bermusafir. Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa':101:

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ

**Maksudnya:** "Dan jika kamu bermusafir di muka bumi ini, maka tidak berdosa ke atas kamu untuk memendekkan solat (solat empat rakaat dijadikan kepada dua rakaat)".

  
.....  
(DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM)  
Timbalan Mufti  
Negeri Perak Darul Ridzuan